



POLIS DIRAJA MALAYSIA

REPOIT POLIS

Balai : DAMANSARA
Daerah : PETALING JAYA
Kontinjen : SELANGOR
No. Repot : KOTA DAMANSARA/006958/22
Tarikh : 03/10/2022
Waktu : 1944 PM
Bahasa Diterima : B. Malaysia

Butir-butir Penerima Repot :

Nama : NOOR AZLIZA BT MAT ESOFF
No. Badan : R190575
Pangkat : L/KPL

Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada) :

Nama : ---
No. Pasport : ---
Alamat : ---
No. K/P (Baru) : ---
Bahasa Asal : ---
No. Polis/Tentera : ---

Butir-butir Pengadu :

Nama : AZMAN BIN MAT NOOR
No. K/P (Baru) : 690301025449
No. Sijil Beranak : ---
Umur : 53 Tahun 7 Bulan
Pekerjaan : PENASIHAT KORPRAT
Alamat Tinggal : NO 70 KM 7 JALAN LANGGAR 06500 LANGGAR KEDAH MALAYSIA
Alamat IbuBapa : ---
Alamat Pejabat : ---
No. Tel (Rumah) : ---
Emel : ---
No. Polis/Tentera : A1236655
Jantina : Lelaki
Keturunan : Melayu
Tarikh Lahir : 01/03/1969
Warganegara : Malaysia
No. Tel (Pejabat) : ---
No. Tel (Bimbit) : 0147538281

Pengadu Menyatakan :

PENGADU TAIP SENDIRI:

BERSABIT KOTA DAMANSARA/009708/21

Saya Azman Bin Mat Noor, penasihat korporat dan pemilik berkepentingan kepada syarikat EVENING CREST SDN BHD(1296186-U) (ECSB) membuat laporan polis kerana saya dapati ada satu bentuk amalan PECAH AMANAH DAN PENYELEWENGAN SERTA PENYEMBUNYIAN FAKTA dalam pengurusan perbankan BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) kerana berdasarkan dana pelaburan sejumlah 10 Juta EURO yang sepatutnya dimasukkan ke dalam akaun bank syarikat Evening Crest Sdn Bhd (Akaun Multi-Currency No: 12140040000300) namun ianya masih dinafikan oleh pihak mereka. Pada tarikh 23hb. Jun 2021 mereka telah mengambil keputusan untuk mengantung dan menutup kedua-dua akaun milik syarikat yang bernombor 12140010018433 dan 121400400000300 setelah menerima memasukkan dana berkenaan.

Dana pelaburan yang dimaksudkan telah dihantar secara 'SWIFT' (pesanan penghantaran wang) dari pihak bank penghantar (The Sending Bank) DUETSCHER BANK AG, GERMANY (DUETSCHER BANK) yang bertarikh pada 29hb. Jun 2021 berjumlah sebanyak 10 Juta EURO (rujukan transaksi/TRN: 346809755234587DEUT45689977654 dan rujukan transaksi GPI ID: 547852DEUTDEFF320547).

Sebelum saya memohon kepada pihak rakan pelabur iaitu ISEP GMBH, GERMANY (ISEP) untuk membuat penghantaran dana tersebut, saya terlebih dahulu memaklumkan kepada pihak bank berkenaan iaitu BIMB untuk mendapatkan persetujuan bagi menerima dana pelaburan tersebut. Setelah saya mematuhi segala peraturan dan protokol BIMB dan juga mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) yang bernombor rujukan 21055643, 21056012 dan 21056435 serta perjanjian pelaburan yang dimerterai oleh kedua-dua pihak iaitu pihak rakan

pelabur, ISEP dan ECSB dalam urusan penerimaan dana pelaburan asing (FDI) berkenaan.

Lantas pada tanggal 29hb. Jun 2021, Syarikat pelaburan ISEP telah mengeluarkan arahan kepada bank penghantar iaitu DUETSCHER BANK supaya menghantar "SWIFT MT103 SINGLE CUSTOMER CASH TRANSFER" yang berjumlah 10 Juta EURO kepada syarikat ECSB melalui bank penerima iaitu BIMB. Urutan daripada apa yang telah berlaku, pihak kami mengesyaki wujudnya amalan pecah amanah dan penyelewengan serta penyembunyian fakta kerana sehingga kini pihak mereka masih menafikan penerimaan sejumlah dana berkenaan.. Pihak bank penghantar juga telah mengesahkan bahawa status dana berkenaan adalah bersih, sah dari sudut perundangan dan bebas dari sebarang kaitan jenayah sebagaimana yang tertera atau dinyatakan di dalam dokumen transaksi perbankan (SWIFT Acks). Sesalinan dokumen pengesahan penerimaan dana berkenaan (Remittance Advice) juga telah dikeluarkan oleh pihakbank penghantar untuk tujuan pengesahan dan kepastian bahawa dana berkenaan telah diterima oleh pihak BIMB.

Pihak kami juga mengesyaki dan berkemungkinan pihak pengurusan BIMB telah bersekongkol dengan pihak-pihak tertentu untuk mengaplikasikan SWIFT Category 7 iaitu MT760/MT799 (PAPER MONEY) serta memperdagangkan (traded) dana berkenaan dan keuntungannya telah didepositkan di luar negara atas nama individu atau organisasi tertentu tanpa persetujuan atau memaklumkan kepada pihak syarikat terlebih dahulu. Ataupun pihak mereka berniat jahat dan bertujuan menyelewengkan dana berkenaan. Untuk kepastian, Jabatan/Komiti Audit, BNM digesa tampil membantu untuk melakukan suatu audit kewangan (financial/transactional audit) terhadap sistem transaksi perbankan di BIMB berhubung penerimaan dana berkenaan.

Tujuan laporan ini dibuat adalah supaya pihak PDRM, BNM dan SPRM atau mana-mana agensi yang berkenaan untuk tampil membuat siasatan terperinci berhubung dengan laporan ini. Berkemungkinan ada pihak tertentu dalam pengurusan bank berkenaan telah pecah amanah, tidak berintegriti dan berniat jahat untuk mensabotaj penerimaan dana berkenaan dan sekaligus melumpuhkan pembangunan perniagaan semasa syarikat serta pembangunan ekonomi semasa negara. Tindakan mereka juga adalah bertentangan dengan persetujuan yang telah dikeluarkan oleh pihak BNM dalam urusan penerimaan dana-dana pelaburan dari luar negara kepada pihak syarikat ECSB. Pejabat Menteri, Kementerian Dalam Negeri dan Menteri Undang-undang dan Parlimen serta Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia juga telah dimaklumkan berhubung dengan permasalahan integriti, ketidak jujur dan ketidak ikhlasan dalam sektor perbankan negara yang disyaki pada tahap yang membimbangkan. Laporan ini adalah terkait dengan laporan terdahulu yang bernombor rujukan KOTA DAMANSARA/009708/21 bertarikh pada 26hb. November 2021.

Tandatangan Pengadu:



Salinan Repot Pertama

Tandatangan Jurubahasa(Jika ada):

Tandatangan Penerima Repot:


